

**SULIT**  
1103/1  
Bahasa Melayu  
Kertas 1  
September 2011  
Peraturan  
Pemarkahan

1103/1



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

---

---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta BPL(M) MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk media.

---

1103/1

© 2011 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

**SULIT**

**Kertas 1**  
**Markah penuh: 130**

**1.0 Tujuan Pengujian:** Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

**2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan**

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

**Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan  
(30 markah)**

**KRITERIA PENSKORAN**

| PERINGKAT | MARKAH                            | KRITERIA  |
|-----------|-----------------------------------|---|
| Cemerlang | 26 – 30<br>(28 – 30)<br>(26 – 27) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tugas bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca yang betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata <b>luas dan tepat</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li> <li>• Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> <li>• Pengolahan menarik, berkesan dan matang diuraikan dengan jelas.</li> </ul> |
| Kepujian  | 20 – 25<br>(23 – 25)<br>(20 – 22) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tugas bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> <li>• Pengolahan menarik, berkesan dan huraian jelas.</li> </ul>   |

\* Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain

| PERINGKAT          | MARKAH                                    | KRITERIA  |
|--------------------|---|---|
| Memuaskan          | 15 – 19<br>(17 – 19)<br>(15 – 16)         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tugas bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tugas bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.</li> <li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik, huraian masih jelas.</li> </ul>                                   |
| Kurang memuaskan   | 10 – 14<br>(12 – 14)<br>(10 – 11)         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih/kurang</b> menepati tugas bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara.</b> Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara.</b> Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea kurang relevan dengan tugas bahan rangsangan dan huraian kurang jelas.</li> <li>• Pengolahan kurang menarik.</li> </ul> |
| Pencapaian minimum | 01 – 09<br><br>(06 – 09)<br><br>(01 – 05) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b>tidak</b> menepati tugas bahan rangsangan.</li> <li>• Calon tidak menjawab tugas.</li> </ul>   |

**Bahagian B : Karangan Respons Terbuka  
(100 markah)**

| KRITERIA               | DESKRIPSI  |
|------------------------|--|
| 1. BAHASA<br>(Mekanis) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegramatisan - kata (morfologi)<br/>- ayat (sintaksis)</li> <li>• Tanda baca</li> <li>• Ejaan</li> </ul>              |
| 2. LARAS<br>(Dinamis)  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan kosa kata</li> </ul>  |
| 3. IDEA (ISI)          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Isi utama</li> <li>• Pengembangan (huraian/bahasan/hujahan/ccontoh)</li> <li>• Kerelevanan</li> </ul> |
| 4. PENGOLAHAN          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana</li> <li>• Logik</li> <li>• Pemerenggan</li> <li>• Format</li> </ul>   |
| 5. GAYA BAHASA         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keindahan bahasa</li> <li>• Ungkapan</li> <li>• Peribahasa</li> </ul>   |

## KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH                              | KRITERIA  |
|-----------|-------------------------------------|---|
| Cemerlang | 80 – 100<br>(90 – 100)<br>(80 – 89) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang betul.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> yang gramatis.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa, dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat keseimbangan idea yang jelas antara perenggan.</li> </ul>                           |
| Kepujian  | 66 – 79<br>(73 – 79)<br>(66 – 72)   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa masih menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> </ul> |

| PERINGKAT | MARKAH                            | KRITERIA  |
|-----------|-----------------------------------|---|
| Baik      | 51 – 65<br>(58 – 65)<br>(51 – 57) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis</b> kata sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa yang masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih lengkap.</li> </ul> |
| Memuaskan | 36 – 50<br>(43 – 50)<br>(36 – 42) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis</b> kata terhad.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum dan terhad.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa kurang bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> kurang menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih/kurang lengkap.</li> </ul>   |

| PERINGKAT          | MARKAH                            | KRITERIA  |
|--------------------|-----------------------------------|---|
| Kurang memuaskan   | 21 – 35<br>(28 – 35)<br>(21 – 27) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea</b> masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kata</b> kurang tepat.</li> <li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Ayat</b> tidak <b>gramatis</b> tetapi <b>masih difahami</b>.</li> <li>• <b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> </ul>               |
| Pencapaian minimum | 01 – 20<br>(11 – 20)<br>(01 – 10) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea</b> bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• Keseluruhannya menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul> |



SULIT

1103/1

- 2.3 **Markah bersih/muktamad** itu hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kanan pada halaman pertama karangan. Markah itu hendaklah dikepung dengan bulatan apabila markah itu sudah dicatat dalam Buku Markah/Borang OMR.

Bahagian A – 23 markah

Bahagian B – 65 markah

Jumlah        88 markah

Pemeriksa hendaklah memberi komen sekiranya perlu pada karangan yang diperiksa.

- 3.0 **Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:**

(    )        = Kesalahan isi

\_\_\_\_\_    = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/             = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

//            = Kesalahan ejaan yang berulang

○             = Kesalahan tanda baca

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**KARANGAN BAHAGIAN A  
(PERCUBAAN SPM 2011)**

**SKEMA JAWAPAN**

**BAHAN RANGSANGAN : MASALAH JEREBU**

**TEMA : Melestarikan Alam Sekitar (Unit 5 – Tingkatan 4)**  
**DIMENSI : Negara**

a. Format : Tiada

b. Diharapkan :

i. Calon dapat menghuraikan punca-punca berlakunya jerebu di negara ini.

c. Kemungkinan : Tiada

**KARANGAN BAHAGIAN B  
( PERCUBAAN MARA SPM 2011 )**

**SKEMA JAWAPAN**

**SOALAN (1) :**

Belakangan ini, isu kenakalan remaja hangat diperkatakan dan membawa petanda yang tidak baik kepada generasi akan datang.

Huraikan peranan anda sebagai seorang remaja dalam membentuk sahsiah diri yang terpuji.

**TEMA** : Ambang Remaja (Unit 2: Tingkatan 4)  
**DIMENSI** : Diri

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan :
- i. Calon dapat menjelaskan peranannya sebagai remaja untuk membentuk sahsiah diri yang terpuji.
- c. Kemungkinan :
- i. Calon hanya menyatakan secara umum peranan remaja tanpa merujuk dirinya – diterima peringkat **Kepujian Bawah** (markah 66-72)
  - ii. Calon mencampuradukkan peranan dirinya dan pihak lain (ibu bapa, media massa dll) – diterima peringkat **Baik** (markah 51-65)
  - iii. Calon hanya menyatakan peranan pihak lain tanpa menyentuh langsung peranan remaja/dirinya – diterima peringkat **Kurang Memuaskan** (markah 21-35)
- d. Isi cadangan :
- i. Mendalami dan mengamalkan suruhan agama
  - ii. Menghormati ibu bapa/orang yang lebih tua
  - iii. Bijak menguruskan masa
  - iv. Pandai memilih rakan
  - v. Menjauhkan diri daripada aktiviti tidak berfaedah/melepak/gejala sosial

SULIT

1103/1

SOALAN(2) :

Anda mengambil bahagian dalam pertandingan syarahan peringkat sekolah. Tajuk syarahan anda ialah 'Keluarga Bahagia Tonggak Kemajuan Negara'.

Sediakan teks syarahan itu selengkapnya.

TEMA : Keluarga Bahagia ( Unit 7 : Tingkatan 4 )

DIMENSI : Keluarga

- a. Format :
- |                        |     |
|------------------------|-----|
| Syarahan               |     |
| Tolak jika:            |     |
| Tiada kata alu-aluan   | -1m |
| Tiada kata penghadapan | -1m |
| Tiada penutup          | -1m |
- \* maksimum tolak 2 markah

b. Diharapkan :

Calon dapat menghuraikan tajuk syarahan 'Keluarga Bahagia Tonggak Kemajuan Negara'.

c. Kemungkinan :

- i. Calon menghuraikan ciri-ciri keluarga bahagia tanpa mengaitkannya dengan kemajuan negara – diterima peringkat **Baik Atas** (markah 58-65)

d. Isi cadangan :

- i. Definisi tajuk/menghuraikan tajuk  
 ii. Kepentingan keluarga bahagia terhadap kemajuan negara  
 iii. Cara /usaha mewujudkan keluarga bahagia

SULIT

1103/1

SOALAN(3) :

Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya yang berlainan, perpaduan amat penting dalam mencapai matlamat pembangunan negara.

Sarankan langkah-langkah mengekalkan perpaduan dan kepentingan perpaduan kepada negara.

TEMA : Senario Masyarakat Malaysia ( Unit 1 : Tingkatan 4 )  
DIMENSI : Negara/ Masyarakat

a. Format : Tiada

b. Diharapkan :

i. Calon dapat menghuraikan langkah-langkah mengekalkan perpaduan dan kepentingan perpaduan kepada negara.

c. Kemungkinan :

i. Calon hanya menghuraikan satu aspek sahaja sama ada langkah-langkah/kepentingan perpaduan sahaja - diterima peringkat **Baik** ( markah 58 - 65 ).

d. Isi cadangan :

i. Langkah-langkah :

- Menggunakan bahasa kebangsaan dalam kehidupan
- Amalan ziarah-menziarahi
- Menghormati budaya kaum lain

ii. Kepentingan perpaduan :

- Negara sejahtera
- Kemajuan negara tercapai
- Ekonomi berkembang
- Industri pelancongan meningkat
- Kestabilan politik

SULIT

1103/1

SOALAN(4) :

Gempa bumi, kemarau panjang, dan banjir besar yang melanda beberapa buah negara di dunia telah menyebabkan kesengsaraan dan kemusnahan harta benda.

Bincangkan pelbagai bentuk bantuan yang boleh dihulurkan oleh masyarakat antarabangsa kepada negara yang terlibat.

TEMA : Melestarikan Alam Sekitar ( Unit 5 : Tingkatan 4 )

DIMENSI : Antarabangsa

a. Format : Tiada

b. Diharapkan :

i. Calon dapat membincangkan bentuk-bentuk bantuan yang boleh dihulurkan oleh masyarakat antarabangsa kepada negara yang terlibat.

c. Kemungkinan :

- i. Calon menyatakan sumbangan Malaysia **sahaja** - diterima peringkat **Kepujian Bawah** (markah 66-72)
- ii. Calon hanya menghuraikan peranan masyarakat antarabangsa secara umum (tidak merujuk mana-mana pihak secara khusus) – diterima peringkat **Baik Atas** (markah 58-65)

d. Isi cadangan :

- i. Menyatakan bentuk-bentuk bantuan:
  - bekalan perubatan
  - kewangan
  - pakaian
  - kepakaran
  - psikologi/motivasi
- ii. Pihak yang terlibat:
  - negara-negara antarabangsa.
  - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa –UNICEF, WHO, Palang Merah, FAO.
  - Selebriti antarabangsa

SULIT

1103/1

SOALAN(5) :

Puisi tradisional seperti pantun, gurindam dan syair merupakan warisan yang perlu dipelihara.

Berikan pendapat anda tentang keistimewaan-keistimewaan puisi tradisional.

TEMA : Pelestarian Budaya Warisan ( Unit 12 : Tingkatan 5 )

DIMENSI : Negara

a. Format : Tiada

b. Diharapkan :

i. Calon dapat menyatakan keistimewaan-keistimewaan puisi tradisional.

c. Kemungkinan :

i. Calon menyatakan ciri-ciri puisi tradisional secara umum tanpa mengaitkan keistimewaannya – diterima peringkat **Kepujian Bawah** (markah 66-72)

d. Isi cadangan :

- i. Sebagai alat hiburan/penyeri majlis.
- ii. Mendidik masyarakat secara halus (nilai dan pengajaran)
- iii. Mengangkat martabat bahasa.
- iv. Memelihara keindahan bahasa/meningkatkan kemahiran bahasa.
- v. Menajamkan keintelektualan.